

# Pensyarah UMS jalankan penyelidikan Sabah-Australia

KOTA KINABALU: Tiga pensyarah Universiti Malaysia Sabah (UMS) -- Rizal Zamani Idris, Azizan Morshidi dan Dr Bilcher Bala diberikan geran untuk menjalankan penyelidikan mengenai hubungan pendidikan antara Sabah dan Australia.

Penyelidikan itu dibiayai Institut Australia Malaysia (AMI), Jabatan Hal Ehwal Luar dan Perdagangan, Australia.

Menurut kenyataan yang dikeluarkan Program Hubungan Antarabangsa, Kajian Sains Sosial UMS, kelmarin, kajian perintis itu akan menumpukan kepada peranan penting yang dimainkan sektor pendidikan, faktor penting yang dapat memperkukuhkan hubungan dua hala antara kedua-dua negara.

Penyelidikan itu menumpukan kepada hubungan pendidikan Sabah Australia yang sekian lama telah menyumbang kepada pengukuhan hubungan Australia-Malaysia, menurut kenyataan itu.

Terdapat dua objektif dalam penyelidikan itu -- mengesan dan menonjolkan hubungan sejarah dan pendidikan kontemporari antara Sabah dan Australia, dan merumuskan cadangan strategik yang dapat memperkukuhkan lagi hubungan pendidikan antara kedua-dua negara. -Bernama